

MEDIA RELEASE

FOR IMMEDIATE RELEASE

6 JUN 2020

UEM Edgenta Terus Memastikan Operasi Perkhidmatan di Hospital Tidak Terjejas Walaupun Berdepan Dengan Tuduhan Oleh Kesatuan

- **Selaras dengan kenyataan oleh Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan ("KKM") pada 4 Jun 2020 iaitu:**
 - o **Memastikan operasi perkhidmatan tidak terjejas** di semua hospital dibawah seliaan Syarikat;
 - o **Menangani isu ini secara dalaman**
- **UEM Edgenta tidak terlibat dengan sebarang tindakan yang menyebabkan penahanan** dan tidak membuat sebarang pertuduhan
- **Kebanyakan individu yang ditahan** pada 2 Jun 2020 pada perhimpunan di Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh, Perak **bukanlah pekerja UEM Edgenta atau pekerja barisan hadapan hospital**
- **Syarikat akan terus memastikan bekalan PPE yang mencukupi dan digunakan secara berhemah selaras dengan Panduan KKM Pengurusan COVID-19 No.5/2020**

KUALA LUMPUR, 6 June - UEM Edgenta Berhad ("UEM Edgenta" atau "Syarikat") ingin menegaskan pendirian yang dinyatakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia ("KKM") yang disampaikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan pada 4 Jun 2020 untuk memastikan tiada sebarang gangguan kepada operasi perkhidmatan di setiap hospital di bawah seliaan Syarikat dan menangani isu berkaitan kebajikan pekerja ini secara dalaman.

Syarikat juga ingin menegaskan bahawa segala urusan bersama Kesatuan Pekerja-Pekerja Swasta Perkhidmatan Sokongan di Hospital-Hospital Kerajaan Semenanjung Malaysia ("kesatuan") adalah dibuat secara professional.

Perhimpunan yang diadakan pada 2 Jun 2020 di Hospital Raja Permaisuri Bainun ("HRPB"), Ipoh, Perak telah **diadakan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan**

Bersyarat (“PKPB”), yang melanggar Peraturan 7 (1) Pencegahan dan Peraturan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan). Tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa berkaitan penganjuran perhimpunan awam semasa PKPB adalah perkara yang tidak ditentukan atau diarahkan oleh Syarikat.

UEM Edgenta ingin menegaskan bahawa Syarikat tidak menghubungi pihak berkuasa semasa kejadian tersebut berlaku, dan Syarikat juga tidak mengenakan sebarang pertuduhan ke atas mereka.

Daripada lima (5) ahli kesatuan yang ditahan dan didakwa kerana melanggar PKPB, hanya seorang (1) sahaja disahkan sebagai pekerja tetap Edgenta UEMS Sdn. Bhd. (“Edgenta UEMS”), anak syarikat milik penuh yang beroperasi di bawah Bahagian *Healthcare Support* Syarikat. Berdasarkan siasatan dalaman, Syarikat mendapati hanya empat (4) orang sahaja dari kesemua yang menyertai perhimpunan di hadapan HRPB pada 2 Jun 2020 adalah pekerja barisan hadapan, manakala baki selebihnya merupakan pihak luar dan bukan pekerja Syarikat. Syarikat tidak menghalang mana-mana pekerja kami untuk menyertai sebarang aktiviti kesatuan kerana mereka telah mengambil cuti bagi menyertai perhimpunan tersebut.

Syarikat ingin menekankan bahawa berikutan perancangan untuk menggunakan sumber dalaman yang telah dibincangkan di peringkat UEM Edgenta, seramai **2,200 pekerja-pekerja pembersihan yang sebelumnya di bawah subkontraktor, telah menjadi pekerja Edgenta UEMS pada 1 Januari 2020**. Perancangan ini dibuat untuk meningkatkan kualiti hidup yang lebih baik kepada para pekerja kami dan antara faedah lain termasuk:

1. **Pekerjaan tetap** (pekerja-pekerja pembersihan bekerja dengan syarat kontrak bersama majikan sebelumnya)
2. **Peningkatan gaji pokok yang lebih baik** selaras dengan akta gaji minimum nasional
3. **Caruman KWSP 13%** (tidak diberikan oleh majikan sebelumnya)
4. **Faedah penjagaan kesihatan** (perlindungan insurans, skim hospitalisasi kumpulan, pesakit luar)
5. **Cuti tahunan berbayar**

Hanya enam (6) individu sahaja yang telah menolak terma yang ditawarkan. **Syarikat juga ingin memberi penekanan bahawa peratusan penerimaan untuk menyertai Edgenta UEMS sebagai pekerja tetap pembersihan sebanyak 99% ini telah membuktikan kebajikan dan faedah yang ditawarkan adalah lebih baik berbanding terma kontrak pekerja barisan hadapan bersama majikan sebelumnya.**

Berkenaan perkara yang berkaitan dengan isu pekerja-pekerja Edgenta UEMS di barisan hadapan yang tidak diberikan PPE semasa wabak COVID-19, **UEM Edgenta ingin menegaskan bahawa Syarikat terus memastikan bekalan PPE yang mencukupi dan penggunaan yang berhemah** serta tindakan kawalan penggunaan yang diambil bagi mengelakkan penyalahgunaan penggunaan PPE serta mengurangkan risiko penularan. Kekurangan bekalan PPE diseluruh dunia pada Mac 2020 telah diketahui umum yang mana isu ini juga mendapat perhatian Pertubuhan Kesihatan Dunia ("WHO"). **Namun demikian, Syarikat tetap berusaha untuk mendapatkan bekalan PPE yang mencukupi walaupun berdepan dengan kenaikan kos.**

Berikutan tindakan cekap yang dibuat oleh Syarikat yang **mengutamakan keselamatan pekerjaanya berbanding kos, bekalan PPE adalah mencukupi sehingga April 2020** dan pekerja telah dibekalkan dengan PPE yang lengkap berdasarkan saranan serta panduan penggunaan oleh pihak hospital. Terdapat perbezaan panduan penggunaan PPE bagi kes COVID-19 dan kes di kawasan tidak berkaitan COVID-19 berikutan risiko yang tinggi **sejajar dengan Panduan Pengurusan COVID-19 No.5/2020 (dikemaskini pada 24 Mac 2020).**

UEM Edgenta komited kepada piawaian yang tertinggi terhadap bekerja secara profesional, kejujuran, integriti, bertanggungjawab dan sikap beretika dalam apa jua keadaan yang melibatkan perniagaan dan operasinya. Aspirasi kami adalah untuk berurusan dengan penuh etika, bertanggungjawab dan telus. Polisi "*Whistleblowing*" Syarikat ("Polisi") diwujudkan bagi membolehkan pekerja mahupun orang awam menyalurkan sebarang aduan terhadap tindakan tidak beretika dan bertanggungjawab, penipuan atau penyalahgunaan kuasa dalam Syarikat. Pelaksanaan polisi ini adalah sejajar dengan Akta Pelindungan Pemberi Maklumat 2010, Akta Syarikat 2016, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007, Akta Anti Pengubahan Wang Haram, Akta Pembiayaan Keganasan dan Hasil Dari Aktiviti Haram 2001, Akta Perlindungan Data Peribadi dan

kesemua undang-undang di Malaysia. Sebarang pendedahan boleh dibuatkan melalui saluran berikut (<https://whistleblowing.uemedgenta.com/WhistleBlowerMain.aspx>).

Syarikat telah mengeluarkan 2 kenyataan sebelum ini berkaitan perkara ini bagi menjelaskan tuduhan yang mengelirukan oleh pihak Kesatuan. Kenyataan yang terakhir telah dikeluarkan pada 3 Jun 2020 yang menjelaskan tentang 11 buah bantahan dan boleh dilihat sebagai rujukan. Disebabkan perkembangan berterusan berkaitan perkara ini, sebarang maklumat lanjut berkenaan perkara ini akan disalurkan melalui laman sesawang kami (www.uemedgenta.com).

-Tamat-
